

UKM ALUMNI

EDISI JANUARI 2019


E-BULETIN ALUMNI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

SELAMAT DATANG KEPADA NAIB CANSELOR UKM KE-12





Pada 4 Januari 2019, Majlis Tertinggi Majlis Alumni UKM telah mengadakan perjumpaan bersama YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia dalam satu majlis makan tengah hari. Presiden Majlis Alumni UKM, YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Abdul Razak yang mewakili Majlis Alumni UKM telah mengucapkan selamat datang dan selamat bertugas kepada Naib Canselor UKM yang baharu. Majlis Alumni UKM akan sentiasa menjadi tulang belakang dalam merealisasikan impian menjadikan UKM sebagai universiti yang terbaik di rantau ini. Naib Canselor UKM yang ke-12 ini merupakan bekas Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa), Universiti Malaya (UM) dan telah mengantikan YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali yang tamat tempoh pelantikan pada 31 Disember 2018. ALUMNI-UKM mengucapkan selamat datang kepada YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi dan jutaan terima kasih kepada YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan.

MAJLIS RAMAH MESRA DAN HI TEA PENGERUSI UKM BERSAMA ALUMNI UKM



Majlis Ramah Mesra & Hi Tea Pengerusi UKM bersama Alumni UKM telah berlangsung pada 22 Disember 2018 bertempat di Hotel Puri Pujangga Universiti Kebangsaan Malaysia. YBhg. Tan Sri Abdul Wahid Omar telah dilantik sebagai Pengerusi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang baharu berkuatkuasa, pada 1 November 2018 hingga 31 Oktober 2021, menggantikan YBhg. Tan Sri Dr. Ibrahim Saad. YBhg. Tan Sri Abdul Wahid Omar merupakan bekas menteri kabinet dan juga tokoh korporat versatil di Malaysia serta berpengalaman luas memimpin empat organisasi utama dalam pembangunan infrastruktur, telekomunikasi, perkhidmatan kewangan dan pengurusan pelaburan. Majlis ini juga telah dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr. Roslee Rajikan dan 46 orang alumni UKM. Beberapa cadangan telah dibincangkan di dalam sesi ini seperti pembinaan Rumah Alumni dan keterlibatan alumni dalam membantu mahasiswa UKM mendapatkan peluang latihan industri serta pekerjaan.



109 ALUMNI HADIR KE GRAND REUNION SAINS PEMBANGUNAN



Program Grand Reunion Sains Pembangunan telah diadakan di Hotel Bangi-Putrajaya pada 15 Disember 2018. Program yang diketuai oleh Prof. Dr. Hamzah Jusoh, Timbalan Dekan (Prasiswazah) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan ini telah dihadiri oleh seramai 109 orang alumni Sains Pembangunan. Sesi perkongsian memori alumni yang diadakan juga telah mengimbau kembali kenangan dan nostalgia para alumni semasa bergelar mahasiswa di kampus Sabah. Pelancaran Tabung Anugerah Kecemerlangan Sains Pembangunan turut diadakan bertujuan menyuntik semangat mahasiswa baharu untuk mencapai kejayaan dan mengharumkan nama universiti pada masa hadapan.

ALUMNI UKM PEMBUAT MAKANAN TRADISIONAL ISTANA DIRAJA PAHANG

ANIS SYAZWANI BINTI ABD MUBIN (FST 2016)



Anis Syazwani binti Abd. Mubin merupakan alumni UKM daripada Fakulti Sains dan Teknologi yang telah menamatkan pengajian pada tahun 2016. Bekas pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Oleokimia) ini telah membuat keputusan untuk berhenti kerja di sebuah syarikat swasta demi kelangsungan perniagaan yang telah diusahakan ibunya, Thuraya A Razak. Beliau kini merupakan seorang usahawan perniagaan makanan sejuk beku dan produk utama beliau adalah Puding Raja iaitu makanan tradisional Istana Diraja Pahang. Permintaan terhadap Puding Raja ini semakin meningkat di pasaran tempatan dan produk beliau ini juga sedang dalam proses penyelidikan dengan dibantu oleh pensyarah Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) bagi membolehkan puding tersebut disimpan dalam jangka masa yang lebih panjang. Anis juga dalam usaha untuk melebarkan pasaran makanan tradisi istana Pahang ini ke luar negara.